

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
(PORT DICKSON)**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [ PORT DICKSON ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan sekatan polis ke atas Ahli-ahli Parlimen yang ingin ke Parlimen pada 2 Ogos 2021 dan sejauh mana siasatan dilakukan terhadap aduan polis mengenai halangan yang dialami oleh Ahli-ahli Parlimen pada hari tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada pemberitahuan oleh Setiausaha Dewan Rakyat melalui surat bertarikh 31 Julai 2021, mantan YAB Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa persidangan Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen ke-14 pada Isnin, 2 Ogos 2021 ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Penangguhan ini dibuat adalah selaras dengan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan yang mengesahkan bahawa Parlimen Malaysia merupakan lokaliti berisiko untuk berlakunya penularan jangkitan COVID-19.

Oleh demikian, adalah menjadi tanggungjawab pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku pasukan yang menguatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] untuk memastikan sesuatu kawasan yang telah disahkan sebagai kawasan berisiko tidak dimasuki oleh mana-mana individu.